

Sekolah Inggeris: Kabinet mahu lihat reaksi rakyat

051 11 1711 2002

Oleh Kadir Dikoh, MuhdRazalidan Salina Abdullah

PUTRAJAYA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, mesyuarat Kabinet hari ini cuma menyentuh seimbans lalu berhubung cadangan mewujudkan semula sekolah aliran bahasa Inggeris.

Perdana Menteri berkata, perkara itu tidak dibincangkan panjang lebar kerana Kabinet mahu melihat reaksi orang ramai terlebih dahulu.

Malah, katanya, kerajaan juga ingin mendapat maklum balas hasil kajian yang dibuat pelbagai pihak berhubung perkara itu.

"Kita nak dengarlah pendapat orang ramai. Kita nak tahu apa dia reaksi orang ramai. Ada yang kata, yang tak dapat

kerja bukan kerana tak tahu bahasa Inggeris...tak tahulah betul, tak betul tapi kita kena tahulah reaksi.

"Kalau orang kata, lebih utama bahasa kebangsaan daripada dapat kerja, yang itu kita patuhlah kepada orang," katanya ketika selepas meraikan rakan sejawatnya dari Lubnan Rafic Harii pada jamuan tengah hari di Seri Perdana di sini, hari ini.

Isnin lalu, Dr Mahathir berkata, kerajaan sedia mewujudkan semula sistem sekolah aliran Inggeris jika rakyat mahukannya bertujuan membolehkan rakyat menguasai bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu dan digunakan di seluruh dunia, se-

kali gus melangkah ke sektor pekerjaan dengan cukup bersedia dan berdaya saing.

Sementara itu, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata mesyuarat Kabinet mengakui bahasa Inggeris adalah bahasa ilmu, tetapi belum memutuskan sama ada mahu mewujudkan semula sekolah aliran Inggeris.

"Tetapi, yang penting bahasa Inggeris menjadi mata pelajaran utama kerana ia adalah bahasa ilmu.

"Banyak maklumat disediakan dalam bahasa Inggeris. Di Internet, hampir semuanya dalam bahasa Inggeris. Jika maklumat ini perlu diterjemahkan terle-

bih dahulu, sudah tentu ia akan mengambil masa dan melambatkan proses pembelajaran," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan rakan sejawatnya dari Lubnan, Mohammed Najib Mikati di sini hari ini.

Dr Ling berkata, setiap pihak perlu menghormati bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan ketetapan itu tidak boleh dipertikaikan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan mengakui kepentingan Bahasa Inggeris, untuk memajukan negara dan rakyat khususnya dalam bidang sains dan teknologi serta perkembangan ekonomi berasaskan pengetahuan.

"Sehubungan itu, bahasa Inggeris akan diberi lebih penekanan bagi me-

mastikan rakyat dapat menguasai bahasa ilmu itu dengan baik," katanya.

Majlis Belia Malaysia (MBM) pula berpendapat isu sebenar yang patut diperbahaskan ialah cara mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris

di kalangan pelajar, khususnya Bumiputera, bukannya pengwujudan sekolah aliran Inggeris.

Naib Presidennya, Abdullah Abu Bakar, berkata MBM bimbang tahap penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa teknologi maklumat yang amat pen-

ting ketika ini gagal dikuasai sebilangan besar pelajar.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan kaedah dan pendekatan pengajaran bahasa Inggeris dibbaiki supaya dapat dikuasai rakyat keseluruhannya.

"Penguasaan ini perlu bermula sejak kecil lagi. MBM meminta disemak semula kurikulum sekolah tadika di luar bandar manakala guru perlu dilatih supaya benar-benar menguasai bahasa Inggeris" katanya dalam satu kenyataan hari ini.